

24 FEB 2003

MUSTAPA-EKONOMI/I

MALAYSIA BOLEH CATAT PRESTASI LEBIH BAIK, KATA MUSTAPA

KOTA KINABALU, 24 Feb (Bernama) -- Pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, hari ini berkata Malaysia boleh mencatat prestasi yang lebih baik sekiranya tiada ketidak pastian di peringkat dunia.

Bagaimanapun, persekitaran yang tidak pasti akibat kemungkinan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq ini belum menjejaskan ekonomi negara, katanya kepada pemberita selepas menghadiri dialog dengan kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah, di sini.

"Ketidak pastian memberi kesan buruk kepada perniagaan. Buat masa ini, kita tidak terjejas, kita boleh atasinya, tetapi kita harap kita boleh catat prestasi yang lebih," katanya.

Mustapa berkata pertumbuhan ekonomi semasa adalah sederhana tetapi lebih baik daripada banyak negara lain kerana pengurusan ekonomi yang lebih baik dan harga komoditi seperti minyak sawit dan petroleum yang bertambah baik.

Tentang kemungkinan kesan perang di Iraq ke atas ekonomi Malaysia, beliau berkata Malaysia lebih bimbang dengan kesan jangka sederhana dan panjang.

"Dalam jangka panjang kita bimbang dengan kestabilan seperti lebih banyak serangan penganas kerana orang ramai tidak akan gembira dan ia akan berlaku di mana-mana sahaja," katanya.

Tentang pakej rangsangan ekonomi, beliau berkata MTEN masih mengusahakannya. Ia dijangka akan diumumkan bulan depan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi menteri kewangan.

Pakej rangsangan itu akan lebih komprehensif, kata Mustapa. -- BERNAMA
MK FR JR